

Bangunan kerajaan guna konsep mesra alam

➔ Teknologi hijau mampu kurangkan pelepasan karbon: PM

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak mahu projek pembangunan struktur dan bangunan baharu milik kerajaan menerapkan konsep mesra alam dan mengutamakan teknologi hijau.

Perdana Menteri berkata, langkah itu selaras dengan aspirasi untuk memastikan pembangunan mampan ke arah menjadi negara maju, sesuai dengan Dasar Transformasi Nasional.

"Kita mesti peka akan pentingnya untuk mengutamakan konsep mesra alam dalam segala konsep pembangunan yang hendak dilaksanakan. Dalam hal ini, saya mahu setiap bangunan baharu kerajaan yang dibangunkan perlu menerapkan ciri dan reka bentuk pembangunan hijau serta menggunakan bahan mesra alam.

"Kita sedang menjurus ke arah Transformasi Nasional 2050 (TN50), sudah tentu setiap aspek pembangunan hendak dilaksanakan di sektor awam atau swasta perlu berlandaskan kepada konsep

mesra alam dan pembangunan lestari.

"Usaha ini juga selaras dengan Teras Strategik Keenam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11)," katanya ketika berucap merasmikan Menara Kerja Raya di sini, semalam.

Mercu tanda baharu

Menara setinggi 37 tingkat, yang menjadi mercu tanda baharu di ibu negara dengan konsep 'ibarat berlian di dalam bandar' itu menelan kos sehingga RM309 juta dan siap dibina pada 15 April 2015 mengambil masa 130 minggu untuk disiapkan sepenuhnya.

Yang turut hadir, Menteri Kerjaya, Datuk Seri Fadillah Yusof dan timbalannya, Datuk Rosnati Abdul Rashid Shirlin.

Najib berkata, semua pihak harus menyokong usaha kerajaan ini kerana Malaysia komited mengurangkan sehingga 40 peratus tahap pelepasan karbon atau kesan rumah hijau menjelang 2020.

Katanya, Malaysia juga komited mengurangkan tahap pengeluaran gas karbon pada kadar 45 peratus menjelang 2030 seperti diperakukan dalam Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan



Najib merasmikan Menara Kerja Raya sambil diperhatikan Fadillah, Rosnah; Ketua Setiausaha Kementerian Kerjaya, Datuk Seri Zohari Yakob (kiri) dan Ketua Pengarah Kementerian Kerjaya, Datuk Seri Roslan Md Taha di Kuala Lumpur, semalam.

Bangsa-Bangsa Bersatu (COP) Ke-21, di Paris pada November 2015.

"Kerajaan komited menyahut saranan pembangunan hijau dengan memperkenalkan Skim Penarafan Bangunan Hijau Malaysian Carbon Reduction And Environmental Sustainability Tool (MyCREST)," katanya.

JKR ejen perubahan

Selain itu, katanya, beliau mahu Jabatan Kerja Raya (JKR) menjadi ejen perubahan kepada pembangunan negara dan bukan sekadar jabatan teknikal semata-mata.

Katanya, JKR harus lebih berani dan inovatif menggalakkan pembinaan struktur dan bangunan berteraskan teknologi hijau dan mesra alam selaras dengan kehendak semasa serta akan datang.

Sementara itu, Fadillah berkata, Menara Kerja Raya istimewa kerana dibina menggunakan kaca kesan segi tiga pada kerangka bangunan dengan belahan di tengah panel.

"Ia memberi kesan pantulan cahaya yang berbeza, menyerlahkan kilauan umpama berlian di menara ini pada waktu tertentu mengikut pergerakan matahari," katanya.



Info

Menara Kerja Raya

- ➔ **Diiktiraf sebagai Menara Baharu ke-10 Terbaik** oleh Majalah Business Insider pada Oktober 2015
- ➔ **Bangunan kerajaan pertama** memperoleh Persijilan Indeks Bangunan Hijau (GBI) Platinum pada 13 Jun 2016
- ➔ **Dinobatkan di tempat kedua** oleh ASEAN Energy Award (Kategori Bangunan Hijau) oleh ASEAN Energy Forum 2016
- ➔ **Dinobatkan di tempat pertama** pada Anugerah Kualiti Malaysia (Sektor Awam) oleh Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) Malaysia pada 5 November lalu.
- ➔ **Menggunakan 6,284 keping kaca** dua lapisan bagi mengurangkan penyerapan haba waktu siang
- ➔ **Menara ini mampu menjana kuasa elektrik sendiri** menerusi sel 'photovoltaic' untuk pencahayaan rendah